



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 6

14hb Mac 2013

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

M. P.U. 5.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI
MELAKA) 2002**

**PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) (PUNGUTAN KHAIRAT) 2012**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN

3. Permohonan
4. Surat Kebenaran Pungutan Khairat

Peraturan

5. Tempoh Kebenaran
6. Resit Pungutan
7. Cara Pengurusan Pungutan
8. Laporan Pungutan Khairat
9. Pembatalan kebenaran

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

10. Penggunaan wang pungutan khairat
11. Pungutan bagi projek terbengkalai diserahkan kepada Baitulmal
12. Kesalahan

BAHAGIAN IV

CARUMAN KEPADA BAITULMAL

13. Caruman oleh pekerja-pekerja beragama Islam
14. Caruman daripada orang-orang bukan Islam kepada Baitulmal
15. Caruman oleh majikan beragama Islam

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) (PUNGUTAN KHAIRAT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 110(2)(e) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Majlis dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat Peraturan-Peraturan berikut—

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan mula berkuatkuasa

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) (Pungutan Khairat) 2012** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Baitulmal” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 69 Enakmen;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Melaka;

“Orang” termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“Pungutan khairat” ertinya pungutan wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak termasuklah saham wakaf;

“Surat Kebenaran” ertinya Surat Kebenaran Pungutan Khairat yang dikeluarkan di bawah Peraturan 4.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN

Permohonan

3. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membuat pungutan khairat hendaklah mengemukakan permohonan kepada Majlis mengikut Borang 1 dalam Jadual Pertama.

(2) Setiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Majlis dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen yang perlu.

(3) Jika pemohon seorang warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Melaka, dia hendaklah mengemukakan—

- (i) senarai nama orang yang menjalankan pungutan khairat;
- (ii) salinan kad pengenalan orang yang menjalankan pungutan khairat;
- (iii) salinan kebenaran bertulis untuk membina atau membaikpulih masjid, surau, sekolah Islam atau bangunan lain yang seumpamanya daripada Majlis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dengan perkara itu;
- (iv) salinan buku akaun projek berkenaan dan penyata bank;
- (v) salinan surat tapisan keselamatan daripada Bahagian Pelesenan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri Melaka; dan
- (vi) salinan sijil pendaftaran bagi pertubuhan atau persatuan, jika berkaitan.

(4) Jika pemohon seorang warganegara Malaysia yang bermastautin di luar negeri Melaka, dia hendaklah mengemukakan—

- (i) senarai nama orang yang menjalankan pungutan khairat;
- (ii) salinan kad pengenalan orang yang menjalankan pungutan khairat;
- (iii) salinan kebenaran bertulis untuk membina atau membaikpulih masjid, surau, sekolah Islam atau bangunan lain yang seumpamanya, daripada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dengan perkara itu;
- (iv) salinan buku akaun projek berkenaan dan penyata bank yang disahkan oleh pegawai pengeluaran kebenaran kutipan negeri berkenaan;
- (v) salinan surat tapisan keselamatan daripada Bahagian Pelesenan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri berkenaan; dan
- (vi) salinan sijil pendaftaran bagi pertubuhan atau persatuan, jika berkaitan.

(5) Tiada kebenaran boleh diberikan kepada permohonan oleh seorang yang bukan warganegara melainkan seorang warganegara Malaysia telah dilantik bagi menguruskan pungutan khairat tersebut bagi pihaknya mengikut syarat di subperaturan 4 atau 5.

Surat Kebenaran Pungutan Khairat

4. Majlis hendaklah mengeluarkan Surat Kebenaran Pungutan Khairat kepada pemohon mengikut Borang 2 dalam Jadual Kedua atas syarat-syarat yang ditetapkan dalam Sijil Kebenaran itu.

Tempoh kebenaran

5. (1) Kebenaran pungutan khairat hanya sah dijalankan bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan sahaja.

(2) Sekiranya selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan (1) pungutan yang diperlukan masih belum mencukupi, pemohon boleh memohon untuk melanjutkan tempoh pungutan dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Majlis.

(3) Setiap permohonan untuk melanjutkan tempoh pungutan hendaklah disertakan bersamanya dokumen-dokumen berikut:

- (i) penyata kira-kira kutipan terkini daripada bank atau yang disahkan oleh pemeriksa kira-kira Jawatankuasa yang dilantik;
- (ii) gambar-gambar projek yang telah siap dibuat berdasarkan kepada pungutan yang lepas;
- (iii) bukti pembelian barang-barang projek yang telah digunakan basil kutipan yang lepas; dan
- (iv) potongan resit dan semua akaun dan baucar bagi pungutan yang lepas.

Resit Pungutan

6. Pemohon hendaklah mengeluarkan resit pungutan bagi tiap-tiap jumlah wang yang dipungut yang mengandungi nombor siri dan nombor rujukan surat kebenaran memungut negeri Melaka.

Cara pengurusan pungutan

7. (1) Pungutan khairat hendaklah dibuat di premis atau kawasan yang berada di bawah kawalan Majlis atau Jabatan Agama Islam Melaka sahaja seperti masjid, surau dan sekolah agama.

(2) Pungutan khairat yang dijalankan di tempat-tempat awam atau premis-premis lain hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak polis atau pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu;

(3) Pungutan khairat boleh dibuat samada melalui tunai, cek, kiriman wang pos atau lain-lain cara pembayaran yang dibenarkan oleh Majlis.

Laporan Pungutan Khairat

8. (1) Pemohon hendaklah menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang yang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya, dengan semua baucar yang sepatutnya.

(2) Pemohon hendaklah mengemukakan apabila dituntut, potongan resit dan semua akaun dan baucar itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis.

Pembatalan kebenaran

9. Majlis boleh, pada bila-bila masa membatalkan kebenaran yang dikeluarkan kepada pemohon, sekiranya pemohon telah—

- (a) memberi maklumat palsu dalam permohonan;
- (b) mengubah atau meminda butir-butir yang terdapat dalam Surat Kebenaran; atau
- (c) menyalahgunakan Surat Kebenaran untuk tujuan atau kegiatan yang menyalahi mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

BAHAGIAN III**PERUNTUKAN AM****Penggunaan wang pungutan khairat**

10. Pemohon hendaklah menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang yang dipungut sedemikian mengikut terma-terma surat kebenaran yang diberikan atau, jika tiada cara untuk melupuskan wang itu dibenarkan dengan nyata oleh surat kebenaran itu, membayar dan mengakaunkannya kepada Baitulmal.

Pungutan bagi projek terbengkalai diserahkan kepada Baitulmal

11. (1) Jika projek pembinaan atau membaikpulih masjid, surau, sekolah Islam atau bangunan lain yang seumpamanya Surat Kebenaran dikeluarkan di bawah Peraturan ini dibatalkan semasa atau selepas pungutan itu dibuat, segala hasil pungutan yang terkumpul bagi projek tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

(2) Pemohon boleh memohon untuk mendapatkan balik hasil pungutan yang diserahkan itu dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh hasil pungutan itu diserahkan sekiranya projek pembinaan atau membaikpulih bangunan itu diteruskan dalam tempoh tersebut.

Kesalahan

12. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan pungutan khairat di Negeri Melaka, melainkan dia telah mendapat Surat Kebenaran daripada Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau mana-mana syarat yang ditetapkan dalam Surat Kebenaran Pungutan Khairat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

CARUMAN KEPADA BAITULMAL

Caruman oleh pekerja-pekerja beragama Islam

13. (1) Seseorang pekerja yang beragama Islam boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Baitulmal sejumlah wang dipotong daripada emolumennya pada setiap bulan dengan memberi notis bertulis kepada majikannya dengan menyatakan maksudnya yang sedemikian.

(2) Majikan pekerja beragama Islam itu hendaklah seberapa segera selepas itu membuat potongan bulanan dengan meremitkan amaun potongan tersebut kepada Baitulmal mengikut kadar yang dinyatakan dalam notis yang diterima daripada pekerjaanya itu.

(3) Mana-mana majikan yang memotong apa-apa amaun caruman daripada emolumen seorang pekerja beragama Islam mengikut subperaturan (2) dan gagal membayar caruman itu atau mana-mana bahagiannya kepada Baitulmal adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(4) Tanpa menyentuh subperaturan (1), seseorang pekerja, boleh pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada majikannya—

- (a) mencarum sejumlah wang sebagai tambahan kepada caruman yang disebutkan dalam subperaturan (1); atau
- (b) membatalkan pilihan yang dibuat di bawah perenggan (a); atau
- (c) berhenti membuat potongan bulanan yang disebutkan dalam subperaturan (1);

Caruman daripada orang-orang bukan Islam kepada Baitulmal

14. (1) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan Majlis daripada menerima caruman daripada mana-mana orang yang bukannya penganut agama Islam sebagai caruman kepada Baitulmal.

Caruman oleh majikan beragama Islam

15. Mana-mana majikan yang beragama Islam boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Baitulmal sejumlah wang pada setiap bulan dan peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah secara *mutatis mutandis* terpakai dengan sewajarnya.

JADUAL PERTAMA

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) (PUNGUTAN KHAIRAT) 2012

BORANG 1

(Peraturan 3)

BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MEMBUAT PUNGUTAN KHAIRAT/SAHAM
WAKAF

A. Maklumat Pemohon

1. Nama Pemohon :
2. Taraf Pemohon : Individu/Agensi/Persatuan *(potong yang mana tidak berkenaan)*
3. No. Kad Pengenalan/ :
No. Pendaftaran *(Sila sertakan salinan Kad Pengenalan/Sijil Pendaftaran Pertubuhan/Persatuan)*
4. Alamat :
.....
.....
5. No. Tel. : (Tel. Bimbit)(Rumah)
..... (Pejabat)

B. Maklumat Permohonan

1. Tujuan Permohonan : ☐ Baik Pulih ☐ Bina Baru
☐ Masjid ☐ Surau ☐ Sekolah Agama
☐ Lain-lain (nyatakan)
2. Nama Projek :
3. Kariah :
4. DUN :
5. Parlimen :
6. Daerah :
7. Negeri :
8. Jenis Pemilikan Tapak : ☐ Wakaf ☐ Rezab ☐ Milik Individu
9. Jangkamasa pungutan yang dipohon : bulan
10. Anggaran peruntukan yang diperlukan: RM.....
11. Peruntukan yang sedia ada : RM.....
 - (i) Sumbangan daripada orang ramai RM.....
 - (ii) Bantuan Kerajaan Pusat/Negeri RM.....
 - (iii) Bantuan daripada lain-lain agensi RM.....
 - (iv) Lain-lain (jika ada) RM.....*(Sila sertakan buku akaun projek dan penyata bank)*

12. Nama-nama Jawatankuasa Pelaksanaan Projek (*Wajib diisi*)

- (a) Pengerusi :
 No. K/P :
 No. Tel :
- (b) Setiausaha :
 No. K/P :
 No. Tel :
- (c) Bendahari :
 No. K/P :
 No. Tel :
- (d) AJK :
 :
 :
 :
 :
 :

(Sila sertakan salinan surat tapisan keselamatan daripada Bahagian Perlesenan, Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri Melaka)

13. Nama-nama orang yang dicadangkan menjalankan pungutan:

Bil.	Nama	No. K/P	Alamat	Pekerjaan
(i)				
(ii)				
(iii)				
(iv)				
(v)				
(vi)				
(vii)				
(x)				
(ix)				

(Sila sertakan salinan Kad Pengenalan bagi penama-penama di atas)

C. Pengakuan Pemohon

1. Saya/Kami mengaku bahawa segala butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.
2. Saya/Kami mengaku bahawa saya/kami akan mematuhi segala peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.
3. Sekiranya saya/kami dan/atau orang-orang lain yang diberi kebenaran untuk menjalankan pungutan melanggar mana-mana peraturan dan/atau syarat yang ditetapkan maka Majlis bolehlah mengambil tindakan undang-undang ke atas saya/kami dan/atau orang-orang lain itu.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

Perhatian:

1. Bagi permohonan warganegara Malaysia yang bermastautin di luar negeri Melaka hendaklah mengemukakan dokumen berikut:
 - (i) salinan kebenaran bertulis untuk membina atau membaikpulih masjid, surau, sekolah Islam atau bangunan lain yang seumpamanya daripada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dengan perkara itu;
 - (ii) salinan surat tapisan keselamatan daripada Bahagian Pelesenan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri berkenaan; dan
 - (iii) salinan buku akaun projek berkenaan dan penyata bank yang disahkan oleh pegawai pengeluaran kebenaran kutipan negeri berkenaan.

JADUAL KEDUA

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) (PUNGUTAN KHAIRAT) 2012

BORANG 2

(Peraturan 4)

SURAT KEBENARAN PUNGUTAN KHAIRAT/SAHAM WAKAF

Dengan ini kebenaran adalah diberikan kepada No. Kad Pengenalan/Pasport beralamat di untuk menjalankan pungutan khairat/saham wakaf bagi maksud dan menjadi pemegang amanah bagi pungutan tersebut serta penama-penama sebagaimana yang disebutkan dalam Lampiran daripada orang-orang Islam dalam negeri Melaka mulai daripada hingga sehingga jumlah yang dipungut terkumpul pada RM..... tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pungutan Khairat (Negeri Melaka) 201_, seperti berikut—

- (a) akan mengeluarkan berkenaan dengan tiap-tiap jumlah wang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam bentuk yang ditetapkan.
- (b) akan menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya, dengan semua baucar yang sepatutnya.
- (c) apabila dituntut, akan mengemukakan potongan resit dan semua akaun serta baucar itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis.
- (d) akan menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang yang dipungut sedemikian mengikut terma kebenaran itu atau jika tiada cara untuk melupuskan wang itu dibenarkan dengan nyata oleh surat kebenaran itu, membayar dan mengaunkannya kepada Baitulmal.

LAMPIRAN

Ruj:

Tarikh:

PUNGUTAN KHAIRAT/SAHAM WAKAF
NAMA-NAMA ORANG YANG DIBENARKAN
MENJALANKAN PUNGUTAN KHAIRAT/SAHAM WAKAF

Bil.	Nama	No. K/P	Alamat	Pekerjaan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				

Bertarikh pada

(.....)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Melaka

Bertarikh 26 Februari 2013
(MAIM/PUU/4/4; PUUNM.USYA-700-4/2)

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD. RUSTAM
Pengerusi
Majlis Agama Islam Melaka

M. P.U. 6.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)**

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)**

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

RINGKASAN BELANJAWAN

JASIN MUNICIPAL COUNCIL

SUMMARY OF THE BUDGET

PEMBATALAN/REVOCATION

DALAM Pemberitahuan M.P.U. 4 yang disiarkan pada 17 Januari 2013 adalah dibatalkan.

IN Notification of M.P.U. 4 published on 17 January 2013 is hereby revoked.

[PUNM.700-02/6 Jilid 9]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA